



Banjir kilat sering berlaku di bandar Kuantan **setiap kali hujan lebat.**

[GAMBAR HIASAN]

JPS tingkat sistem saliran utama atasi banjir kilat

? Banjir kilat sering berlaku di bandar Kuantan setiap kali hujan lebat sehingga menjejaskan aktiviti harian. Apakah usaha bagi mengatasi masalah ini.

Ingin Tahu
Kuantan, Pahang

! Kerajaan Pahang akan mengambil beberapa pendekatan bagi mengatasi masalah banjir kilat termasuk menaik taraf sistem saliran di bandar ini. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri turut mengeluarkan tender kerja untuk Projek Rancangan Tebatan Banjir bagi menangani masalah ini. Tender dikeluarkan selepas kerajaan negeri menerima dan meneliti pelbagai

cadangan bagi meningkatkan sistem saliran bandar selepas menerima peruntukan RM50 juta melalui Kerajaan Pusat.

Tender terbabit membabitkan kerja mengorek semula Sungai Galing, meningkatkan sistem saliran utama di Perkampungan Lubuk Puyu, Permatang Badak dan Kampung Razali yang menjadi antara kawasan teruk dilanda banjir.

Selain itu, JPS akan menaik taraf kolam takungan di Taman Pelindung serta sistem perparitan sedia ada di bandar itu. Majlis Perbandaran Kuantan juga mengambil tindakan dengan mengeluarkan beberapa tender untuk meningkatkan keupayaan sistem saliran bandar. Selain Kuantan, kerajaan negeri juga akan mengambil pendekatan sama di kawasan kerap dilan-



Kerja naik taraf sistem saliran **elak air bartakung** giat dijalankan.



SUARA KOMUNITI

Suara Komuniti mengetengahkan masalah rakyat dan akhbar ini akan membantu pembaca mendapatkan maklum balas pihak berwajib. Sila hantarkan aduan anda ke Suara Komuniti BH, 31 Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur atau e-mel ke suarakomuniti@mediaprima.com.my.

da banjir. Kita sudah kenal pasti beberapa lokasi di daerah lain dan usaha untuk mengatasinya akan dilaksanakan.

Datuk Ir Mohd Soffi Abdul Razak

Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas dan Alam Sekitar Pahang